



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Suami isteri rugi RM241, 080 ditipu tiga individu
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 3 February 2018

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 44

Suami isteri rugi RM241,080 ditipu tiga individu



LAI (kiri), bersama Yin (tengah) menunjukkan salinan laporan polis dan salinan transaksi pemindahan wang.

Kuantan: Akibat gelap mata dengan tawaran pinjaman membabitkan nilai ratusan ribu ringgit, sepasang suami isteri kerugian RM241,080 selepas ditipu tiga individu yang menyamar sebagai pegawai bank dan ejen pinjaman peribadi.

Ahli perniagaan, Yin Kah Hing, 47, berkata, dia dan isteri, Lai Chiew Ling, 35, ditawarkan pinjaman menerusi aplikasi WhatsApp pada September tahun lalu.

Katanya, mereka pada mulanya ragu-ragu untuk membuat permohonan pinjaman itu namun beberapa kali dirayu oleh pegawai bank yang mendakwa dia boleh membantu mendapatkan pinjaman hingga RM500,000.

"Mereka kata saya boleh mendapatkan pinjaman RM250,000 dan boleh mencecah hingga RM500,000 sekiranya layak, saya agak ragu-ragu pada mulanya.

"Namun mereka tetap

memujuk saya dan sekiranya pinjaman RM250,000 diluluskan, saya hanya perlu membayar RM900 sebulan berserta faedah serendah 3.3 peratus saja," katanya.

Terperdaya dengan tawaran itu, Yin berkata, dia bersejua dan merancang memantapkan perniagaan jubinnya.

Dia berkata, individu itu turut menunjukkan beberapa salinan dokumen pinjaman yang kononnya diluluskan dengan pengesahan lambang kerajaan Malaysia dan Bank Negara menerusi aplikasi WhatsApp.

Katanya, tidak lama kemudian mereka memaklumkan dia perlu memasukkan wang untuk proses seterusnya atas alasan jumlah pinjaman yang bakal terima terlalu banyak.

"Walaupun saya sedikit hairan, tetapi tetap memasukkan wang menerusi akaun milik salah seorang

daripada mereka mengikut jumlah ditetapkan antara RM1,200 hingga mencecah RM22,500 hampir setiap hari dan minggu.

"Bagi meyakinkan kami, mereka akan menghantar gambar cek yang tertera jumlah pinjaman bakal diterima dan menyatakan pinjaman sudah diluluskan," katanya.

Dia hanya menyedari ditipu selepas pinjaman yang didakwa sudah diluluskan itu masih belum diterima walaupun selepas tiga bulan.

Katanya, individu itu masih memintanya memasukkan wang sebanyak RM5,000 untuk mendapatkan pinjaman berkenaan.

"Jika kami menuruti kehendak mereka, bukan saja wang pinjaman diperoleh malah mereka akan mengembalikan RM241,000 yang dibayar untuk proses pinjaman," katanya.